

# Bos NFC didakwa

Suami Shahrizat hadapi empat pertuduhan pecah amanah babit wang RM50 juta

FOTO | Yong Chee Choong



>>Oleh Izlaily Nurul Ain Hussein

izlaily@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Pengerusi Eksekutif National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC), Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua tuduhan melakukan pecah amanah membabitkan wang syarikat hampir RM50 juta, tiga tahun lalu.

Mohamad Salleh yang juga suami kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil turut mengaku tidak bersalah atas dua lagi tuduhan menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran mesyuarat agung syarikat terbabit.

Bagi tuduhan pertama, Mohamad Salleh didakwa menyalahgunakan wang syarikat bernilai RM9,758,140 dengan cara memindahkan wang itu melalui empat keping cek untuk membiayai sebahagian daripada harga pembelian dua unit kondominium One Menerung di sini oleh National Meat & Livestock Corporation Sdn Bhd (NMLC).

Manakala tuduhan kedua, Mohamad Salleh turut didakwa melakukan pecah



TENANG...Dr Mohamad Salleh hadapi empat pertuduhan.

HADIR...Shahrizat turut berada di mahkamah.

amanah terhadap wang NFC berjumlah RM40 juta dengan memindahkan wang berkenaan melalui sekeping cek ke dalam akaun milik NMLC bagi kegunaan syarikat itu.

Dia didakwa melakukan kedua-dua perbuatan itu di Bank CIMB Islamic Bhd, di Taman Tun Dr Ismail, di sini, masing-masing antara 1 Disember dan 4 Disember 2009 serta antara 6 Mei dan 16

November, tiga tahun lalu.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, Mohamad Salleh didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan dengan sebatan atau denda, jika sabit kesalahan.

Pada prosiding semalam, Mohamad Salleh kelihatan tenang, manakala Shahrizat yang turut hadir ke mahkamah bersama ahli kelu-

arganya enggan memberi sebarang komen.

Sementara itu, Mohamad Salleh turut didakwa bagi dua pertuduhan lain kerana menggunakan wang syarikat hampir RM50 juta itu tanpa kebenaran mesyuarat agung syarikat untuk NMLC, sekali gus syarikat itu mendapat keuntungan secara langsung.

Bagi kedua-dua pertuduhan, Mohamad Salleh didakwa melakukan perbuatan itu

di tempat dan tarikh yang sama.

Pendakwaan terhadap tuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 132(2)(a) Akta Syarikat 1965 (Akta 165) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 132(3), akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda RM30,000 jika sabit kesalahan.

Peguam Badrul Munir Bukhari yang mewakili Mohamad Salleh memohon mahkamah membenarkan ikat jamin dengan bon peribadi RM100,000 memandangkan Mohamad Salleh sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya sepanjang penyiasatan kes berkenaan dijalankan.

Menurut Badrul, Mohamad Salleh turut akan menyerahkan pasportnya kepada mahkamah sebagai syarat tambahan bagi memastikan kehadirannya sepanjang perbicaraan dijalankan kelak.

Barisan pembelaan diketuai Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah, sekembalinya beliau dari luar negara, manakala pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Dzulkefli Ahmad, Awang Armadajaya Awang Mahmud dan Nur Azimul Azami Mohamad Nor.

Hakim SM Komathy Suppiah membenarkan Mohamad Salleh diikat jamin oleh anak sulungnya, Wan Shahinur Izmir, 32, dengan jaminan RM500,000, dan semua dokumen perjalanan perlu diserahkan kepada mahkamah.